

Sehingga selesai musim haji

Kamaruddin Isa tetap bertugas di Arab Saudi

KUALA LUMPUR, Jumaat — Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Haji Kamaruddin Haji Mohamad Isa akan meneruskan tugasnya sebagai Duta Malaysia di Arab Saudi dan Jordan sehingga selesai musim haji tahun ini.

Beliau memberitahu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengizinkaninya menjalankan tugas akhirnya untuk bakal-bakal haji Malaysia memandangkan bilangan mereka tahun ini melebihi jumlah di tahun-tahun sebelumnya.

Datuk Seri Haji Kamaruddin dilan-

tik sebagai Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dalam penyusunan semula Kabinet baru-baru ini. Beliau menjadi Duta Malaysia ke Arab Saudi sejak tahun 1979.

Beliau akan berlepas ke Jeddah malam esok untuk menemui Al-Malik Khalid dan beberapa orang Menteri Arab Saudi.

Beliau akan menemui Putera Mahkota Fahd, Menteri Luar Putera Saud Al-Faisal, Menteri Haji dan Wakaf, Sheikh Abdul Wahab Ahmad Abdul Wasi dan Menteri Pelajaran Tinggi Sheikh Hassan ibn Abdullah As-Sheikh.

Sebelum berlepas ke Jeddah beliau akan menemui Menteri Luar Tan Sri Ghazali Shafie bagi membincangkan

beberapa perkara termasuk cadangan membina bangunan kedutaan dan rumah kediaman Duta Besar Malaysia di Riyadh.

Menurutnya, Kerajaan Arab Saudi telah meminta semua kedutaan dipindahkan dari Jeddah ke Riyadh dalam tempoh 1983-1985.

Kedutaan-kedutaan asing di Arab Saudi telah diberitahu bahawa kemudahan seperti jalanraya, bekalan elektrik, air dan kemudahan lain akan disediakan supaya mereka tidak menghadapi sebarang masalah bila berpindah ke ibu negara Arab Saudi itu kelak.

Sementara itu, bekas Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Haji Ramli Omar dijangka dilantik menjadi Duta Besar Malaysia yang baru ke Arab Saudi, demikian difahamkan hari ini.

Beliau akan menggantikan Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Mat Isa yang baru-baru ini dilantik semula ke jawatan lamanya sebagai Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri di bawah rombakan kabinet baru Dr. Seri Datuk Mahathir Mohamad.

Datuk Ramli disebut-sebut sebagai layak memegang jawatan tersebut memandangkan perkhidmatan beliau kepada UMNO dan Kerajaan.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia